

PENGURUSAN KOKURIKULUM: PENYERTAAN MURID DALAM PASUKAN BERUNIFORM KADET REMAJA SEKOLAH

**Muhamad Sauki Razali
Sheriza Nur Kamarudin
Institut Aminuddin Baki
Cawangan Genting Highlands**

**Che Zawawi bin Che Husin
SMK Dabong, Dabong, Kelantan**

Abstrak

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti lapan dimensi yang mendorong kepada penyertaan murid dalam pasukan pakaian seragam Kadet Remaja Sekolah, dan perbezaan dimensi-dimensi tersebut berdasarkan jantina serta latar belakang tempat tinggal murid. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan instrumen 30 item Participation Motivation Instrument (PMI) yang ditadbirkan kepada 235 orang murid yang sedang terlibat dalam Perkhemahan KRS Peringkat Negeri Kelantan. Analisis deskriptif data kajian mendapati tahap motivasi penglibatan yang tinggi; keseluruhan ($m=4.09$, $sp=0.46$), intrinsik ($m=4.20$, $sp=0.48$) dan ekstrinsik ($m=3.98$, $sp=0.51$) dalam penglibatan kokurikulum. Dimensi kemahiran faktor intrinsik ($m=4.58$, $sp=0.51$) dan dimensi pasukan faktor ekstrinsik ($m=4.57$, $p=0.61$) merupakan motif terpenting dengan tahap sangat tinggi, penyertaan para anggota Kadet Remaja Sekolah tersebut. Dimensi-dimensi lain mempunyai tahap tinggi bagi intrinsik; tenaga ($min=4.16$, $sp=0.85$), seronok ($min=4.03$, $sp=0.60$), dan cergas ($min=4.01$, $sp=0.67$) serta rakan ($min=3.95$, $sp=0.80$), situasi ($min=3.76$, $sp=0.69$) dan status pencapaian ($min=3.65$, $sp=0.83$) bagi faktor ekstrinsik. Analisis statistik inferensi pula menunjukkan perbezaan signifikan di antara motivasi penglibatan berdasarkan jantina dan faktor ekstrinsik $F(1, 232)$ $df=5.03$ $p=0.026$, dan dimensi rakan $F(1, 233)$ $df=8.72$ $p=0.003$. Akhir sekali, kajian mendapati tidak terdapat perbezaan

signifikan bagi kesemua dimensi motivasi penglibatan berdasarkan latar belakang di mana murid tinggal; sama ada di luar bandar mahupun di bandar.

1.0 PENDAHULUAN

Peraturan-peraturan Kurikulum Kebangsaan 1997, menyatakan kokurikulum dalam program pendidikan ditakrifkan sebagai sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan, yang merupakan suatu program pendidikan bersama dengan kurikulum merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan, untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi, serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan (Malaysia 2003). Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) pula menegaskan kepentingan kokurikulum dalam menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan atau pun '*esprit de corps*' di antara murid-murid pelbagai keturunan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan. Ia juga bertujuan melatih murid-murid supaya bersikap bertanggungjawab. Kegiatan ini juga boleh melatih mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai seperti yang dinyatakan dalam Perkara 52 dan 55 (KPM 1989).

Selain dari itu, dalam KPM menyatakan bahawa sekolah bukanlah sebagai badan pengajar sahaja tetapi mempunyai tujuan mendidik dalam erti kata yang lebih luas. Murid-murid sepatutnya mendapat bukan sahaja pengetahuan dan kebolehan intelektual yang diuji melalui peperiksaan, tetapi juga kebolehan fizikal, mutu moral dan sosial secara amnya di mana ketiga-tiga aspek ini tidak diuji secara formal. Kokurikulum merupakan salah satu sistem sokongan di sekolah yang dapat memupuk disiplin pelajar melalui pemantapan struktur kepimpinan murid melalui aktiviti-aktiviti yang menggalakkan semangat kumpulan, bekerjasama dan menghormati peraturan. Ketua-ketua kumpulan di dalam pasukan unit beruniform merupakan peneraju bagi kumpulan mereka bagi menunjukkan contoh

disiplin yang baik di kalangan rakan-rakan mereka (Ang, J.I.E 2008).

Pada tahun 1995, Kadet Remaja Sekolah telah diluluskan penubuhannya di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dengan tujuan untuk memberi peluang murid untuk menyertai pasukan beruniform yang mana penawaran sedia ada unit-unit pasukan seragam adalah terhad. Antara objektif penubuhan KRS adalah untuk membina generasi berdisiplin, patriotik, menjiwai perpaduan, ketrampilan diri, kesedaran tentang isu-isu semasa, menghayati akhlak islam, menyumbang ke arah kesejahteraan hidup bermasyarakat dan lain-lain kemahiran *soft skills*. Kurikulum latihan KRS secara umumnya dibahagikan kepada 5 elemen iaitu; 1. Disiplin dan kerohanian, 2. Ketahanan diri dan kebudayaan, 3. Alam sekitar, 4. Keusahawanan, dan 5. Khidmat masyarakat (KPM 2009).

1.1 Tujuan Kajian

Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti 8 dimensi yang mendorong kepada penyertaan murid dalam pasukan pakaian seragam Kadet Remaja Sekolah (KRS).

1.2 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji:


1. Tahap dimensi-dimensi motivasi penyertaan murid dalam pasukan pakaian seragam KRS.
2. Perbezaan dimensi-dimensi motivasi penyertaan murid dalam pasukan pakaian seragam KRS antara jantina.
3. Perbezaan dimensi-dimensi motivasi penyertaan murid dalam pasukan pakaian seragam KRS antara latar belakang tempat tinggal.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan kajian ini adalah:

1. Apakah tahap dimensi-dimensi motivasi penyertaan murid dalam pasukan pakaian seragam KRS?
2. Adakah terdapat perbezaan signifikan dimensi-dimensi motivasi penyertaan murid dalam pasukan pakaian seragam KRS antara jantina?
3. Adakah terdapat perbezaan signifikan dimensi-dimensi motivasi penyertaan murid dalam pasukan pakaian seragam KRS antara latar belakang tempat tinggal?

1.4 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1:
Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1 di atas menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini berdasarkan Model Penglibatan Kegiatan Fizikal Wann (1997) menggunakan 8 dimensi *Participation Motivation Instrument* (PMI) oleh Gill (2000). Menurut beliau, penglibatan individu khususnya murid dalam kegiatan fizikal seperti sukan, jasmani, riadah, perkhemahan

dan sebagainya adalah bergantung kepada motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik dalam kajian ini dibahagikan kepada 4 dimensi iaitu; 1. Skil, 2. Tenaga, 3. Seronok, dan 4. Cergas. Dimensi skil menerangkan penyertaan pelajar dalam pasukan pakaian seragam KRS berdasarkan keinginan untuk meningkatkan kemahiran baru yang lebih tinggi, sedangkan dimensi tenaga merupakan ruangan dan peluang yang diperoleh untuk berbuat sesuatu seperti melegakan perasan, tekanan dan membuat sesuatu selain rutin harian. Dimensi seronok berkait rapat dengan kegemaran untuk bertanding, menguji diri, cabaran dan adrenaline. Akhir sekali, dimensi cergas merupakan dorongan untuk bergerak cergas, bersenam dan membina atau mengekalkan bentuk tubuh.

Sementara itu, motivasi ekstrinsik turut dibahagikan kepada 4 dimensi iaitu; 1. Pasukan, 2. Rakan, 3. Situasi dan 4. Status. Dimensi pasukan merupakan dorongan untuk berada, member kerjasama dan semangat berpasukan. Sementara itu, dimensi rakan merupakan keinginan untuk menyertai KRS kerana mengikut kawan-kawan atau menambah kenalan baru. Dimensi situasi pula menerangkan penyertaan berdasarkan kepada dorongan guru, peralatan dan kemudahan serta peluang pergi ke tempat lain. Akhir sekali, dimensi status merupakan motivasi seperti keinginan kepada hadiah, ganjaran, pengiktirafan dan popular hasil penyertaan murid dalam KRS.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Masalah Penyertaan Murid Dalam Pasukan Beruniform

Perakuan 174 Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 yang mendapati kebanyakan kegiatan kokurikulum kurang dijalankan di sekolah-sekolah kecil terutama di sekolah-sekolah luar bandar yang disebabkan oleh beberapa factor, di antaranya termasuklah; kekurangan kemudahan, kewangan dan galakan daripada sekolah itu sendiri. Sebaliknya pula, kegiatan kokurikulum dapat dijalankan dengan giat nya di sekolah-sekolah dalam bandar kerana sekolah-sekolah ini mempunyai persekitaran sosial dan fizikal yang menggalakkan. Keadaan

yang tidak seimbang yang terdapat di sekolah-sekolah kecil di luar bandar ini menghalang perkembangan murid-murid dalam serba kegiatan gerak kerja tersebut.

Pada tahun 1990, Azizah dalam kajiannya untuk mengenal pasti isu-isu pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah, turut sama mendapati masalah kurangnya pelajar berminat untuk menyertai pasukan beruniform. Di samping masalah lain dalam pengurusan kokurikulum seperti; masa, kewangan, peralatan, prasarana dan kemudahan, masalah penglibatan masih lagi dibincangkan oleh Mohd Suzli (1997), Ab. Halim (1998), Mohd Amin (2006) dan Anuar Din et al. (2008).

Muhamad Sauki et. al (2013) turut memperincikan masalah-masalah yang dihadapi dalam menguruskan kegiatan kokurikulum kepada isu guru, isu pentadbiran, isu murid, isu kemudahan dan peralatan, isu ibu bapa, isu masa, isu peruntukan kewangan, isu aktiviti dan isu persepsi. Bagi masalah penglibatan murid dalam gerak kerja kokurikulum, kajian mendapati masalah sikap murid seperti tidak berminat, pasif, lebih mengutamakan bidang akademik, pengaruh rakan, masalah pengangkutan, beban kerja rumah dan sekolah, serta jarak ke sekolah jauh. Namun demikian, terdapat segelintir murid yang tetap berminat untuk melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum anjuran sekolah, meskipun terdapat kekangan-kekangan yang telah dinyatakan. Keadaan ini mungkin juga dipengaruhi rakan-rakan yang berminat untuk terlibat dalam program kokurikulum dan sebilangan kecil guru yang berjaya memberi dorongan kepada para murid tersebut.

Faktor guru juga turut menyumbang kepada masalah penyertaan murid dalam kegiatan kokurikulum. Amri (2006) menyatakan, lima perkara yang menyebabkan murid tidak berminat untuk menyertai kelab dan persatuan di sesebuah sekolah adalah disebabkan kelemahan guru pemimpin atau guru penasihat masing-masing. Perkara-perkara tersebut termasuklah guru penasihat tidak mempunyai kemahiran, tidak dapat menyesuaikan dan membezakan keadaan penggunaan suara arahan lembut dan keras, 'memaksa' untuk dihormati, banyak menjalankan aktiviti pengajaran berbentuk teori yang sepatutnya berlaku di bilik darjah, dan memberikan

terlalu banyak objektif yang akhirnya menyebabkan berlaku kekeliruan dalam kalangan ahli kelab dan persatuan.

Perkara yang sama turut diutarakan oleh Abu Bakar pada tahun 1991, bahawa guru-guru yang terlatih, serta terlibat secara aktif dalam kegiatan kokurikulum di sekolah, merupakan faktor penentu kepada penyertaan para pelajar dalam gerak kerja kokurikulum (Anuar et al. 2008). Akhir sekali, Aslian (2012) menegaskan, berdasarkan kajian tentang masalah ketidakhadiran murid dalam kegiatan kokurikulum, faktor guru merupakan antara penyebab dan punca masalah tersebut sukar ditangani.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian tinjauan ini dengan menggunakan persampelan bertujuan kepada 235 murid yang sedang mengikuti Perkhemahan KRS Peringkat Negeri Kelantan pada tahun 2012. Berdasarkan Jadual 1, jantina responden seperti berikut; bilangan murid lelaki (45%) seramai 106 orang dan murid perempuan (55%) seramai 129 orang.

Jadual 1:
Pecahan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
lelaki	106	45
perempuan	129	55
Jumlah	235	100

Jadual 2:
Pecahan Responden Mengikut Latar belakang Tempat Tinggal

Tempat tinggal	Bilangan	Peratus
luar bandar	171	73
bandar	64	27
Jumlah	235	100

Pecahan responden mengikut latar belakang tempat tinggal ditunjukkan dalam Jadual 2, di mana terdapat seramai 171 orang murid, yang mewakili 73% responden tinggal di kawasan luar bandar, dan 27% murid, iaitu seramai 64 orang tinggal di kawasan bandar. Pemilihan murid ke perkhemahan ini pula, samada telah memenangi pertandingan peringkat daerah, atau pun telah dipilih untuk mewakili daerah oleh Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) masing-masing.

Semasa perkhemahan, murid diberikan satu set soal selidik berteraskan lapar dimensi motivasi penglibatan yang diadaptasi dari Participation Motivation Inventory (PMI) oleh Gill, Gross & Huddleston pada tahun 1983. Pengkaji membacakan satu persatu 30 item yang dinyatakan dan ditandakan murid-murid dengan skala Likert 5 mata. Bagi kajian ini, data yang telah dikumpul di kod dan dianalisis menggunakan Statistic Package for The Social Science (SPSS). Dua jenis statistik yang digunakan untuk menganalisis data, iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Analisis deskriptif digunakan ke atas data-data yang diperoleh bertujuan untuk memerihalkan data berkenaan dengan menggunakan skor min dan sisihan piawai bagi mengukur persoalan pertama kajian; iaitu tahap dimensi penglibatan para responden. Perbincangan hasil kajian mengenai dimensi tersebut adalah berdasarkan kepada 5 tahap pembahagian skor min yang dipilih para responden. Bagi analisis inferensi, pengkaji menggunakan ANOVA Sehalu untuk menganalisis data bagi menjawab persoalan kajian kedua; perbezaan antara jantina dan dimensi penglibatan, serta persoalan ketiga kajian; iaitu perbezaan antara latar belakang tempat tinggal dan dimensi penglibatan.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif data kajian mendapati tahap dimensi-dimensi motivasi penglibatan yang tinggi; keseluruhan ($m=4.09$, $sp=0.46$), intrinsik ($m=4.20$, $sp=0.48$) dan ekstrinsik ($m=3.98$, $sp=0.51$) dalam penglibatan kokurikulum yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Dimensi kemahiran faktor intrinsik ($m=4.58$, $sp=0.51$) dan dimensi pasukan faktor ekstrinsik ($m=4.57$, $p=0.61$) merupakan motif terpenting dengan tahap sangat tinggi,

penyertaan para anggota Kadet Remaja Sekolah tersebut. Dimensi-dimensi lain mempunyai tahap tinggi bagi intrinsik; tenaga (min=4.16, sp=0.85), seronok (min=4.03, sp=0.60), dan cergas (min=4.01, sp=0.67) serta rakan (min=3.95, sp=0.80), situasi (min=3.76, sp=0.69) dan status pencapaian (min=3.65, sp=0.83) bagi faktor ekstrinsik.

Jadual 4 pula adalah hasil analisis statistik inferensi pula menunjukkan perbezaan signifikan di antara dimensi motivasi penglibatan ekstrinsik berdasarkan jantina $F(1, 232) df=5.03 p=0.026$; lelaki (min= 4.06, sp=0.52), perempuan (min= 3.91, sp=0.49) dan faktor ekstrinsik, dan dimensi dimensi rakan $F(1, 233) df=8.72 p=0.003$ dimana murid lelaki (min= 4.11, sp=0.75), perempuan (min= 3.81, sp=0.81). Akhir sekali, analisis mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan bagi kesemua dimensi motivasi penglibatan berdasarkan latar belakang di mana murid tinggal; samada di luar bandar mahupun di bandar.

Jadual 3:
Skor Min Tahap Dimensi-Dimensi Motivasi
Penyertaan Murid Dalam Pasukan Pakaian Seragam KRS

DIMENSI	MIN	SISIHAN PIAWAI	TAHAP
Skil	4.58	0.51	sangat tinggi
Tenaga	4.16	0.85	tinggi
Seronok	4.03	0.60	tinggi
Cergas	4.01	0.67	tinggi
INTRINSIK	4.20	0.48	tinggi
Pasukan	4.57	0.61	sangat tinggi
Rakan	3.95	0.80	tinggi
Situasi	3.76	0.69	tinggi
Status	3.65	0.83	tinggi
EKSTRINSIK	3.98	0.51	tinggi
SERTA KRS	4.09	0.46	tinggi

Jadual 4 :
Perbezaan Dimensi-Dimensi Motivasi
Penyertaan Murid Berdasarkan Jantina Dalam Pasukan Pakaian Seraga

		ANOVA				
DIMENSI-DIMENSI MOTIVASI	PENGLIBATAN	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Rakan	Between Groups	5.39	1	5.39	8.72	0.003
	Within Groups	144.15	233	0.62		
	Total	149.54	234			
EKSTRINSIK	Between Groups	1.27	1	1.27	5.03	0.026
	Within Groups	58.61	232	0.25		
	Total	59.88	233			

5.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Bagi tahap penglibatan murid dalam KRS, hasil analisis menunjukkan tahap SANGAT TINGGI bagi dimensi skil dan pasukan. Kajian juga mendapati penyertaan dorongan dari dimensi-dimensi lain faktor intrinsik; tenaga, seronok, cergas dan faktor ekstrinsik; rakan, situasi, status menunjukkan tahap TINGGI. Secara intrinsik, murid menyertai pasukan KRS disebabkan keinginan dan dorongan mempelajari kemahiran baru, meningkatkan kemahiran ke peringkat yang lebih tinggi dan menggunakan kemahiran-kemahiran tersebut dalam aktiviti perkhemahan. Bagi penglibatan faktor ekstrinsik dimensi pasukan pula, murid berkeinginan dan merasa bangga untuk berada dalam pasukan KRS tersebut; bersedia untuk memberi kerjasama dengan semangat berpasukan yang tinggi.

Hasil kajian ini konsisten dengan hasil kajian-kajian literatur penglibatan aktiviti berkaitan fizikal dan sukan para remaja oleh Gill et al. (1983), Gould et al. (1985) dan Klint & Weiss (1987) dalam Gill (2000). Motif terpenting penglibatan diri murid dalam kegiatan-kegiatan tersebut dalam kalangan remaja dan belia adalah untuk menjaga kecergasan, menikmati pengalaman yang menyenangkan, menyeronokkan dan mencabar serta paling penting, memperoleh dan meningkatkan penemuan kemahiran-kemahiran baru. Dapatan kajian Dwyer (1992) juga mendapati, orientasi

pasukan merupakan satu dari enam faktor terpenting penyertaan pelajar-pelajar universiti dalam kegiatan fizikal, kelab dan persatuan sukan (Gill 2000). Gill seterusnya menyatakan dalam kajian-kajian awal penglibatan para remaja hingga golongan dewasa yang melibatkan diri dalam kegiatan berkaitan fizikal, disebabkan terdapatnya peluang untuk melegakan tekanan. Begitu juga dengan adanya ruang untuk para remaja ini untuk meningkatkan kecergasan diri melalui pengekalan bentuk badan dengan senaman.

Selain itu, mereka ini melibatkan diri dalam kegiatan fizikal kerana kegiatan tersebut merupakan suatu pengalaman yang menyeronokkan di samping persekitaran yang sesuai seperti pendekatan jurulatih, kelengkapan dan kemudahan yang lengkap. Kesimpulannya, dalam perkhemahan pasukan KRS, murid-murid bukan sahaja mempelajari kemahiran baru, tetapi turut bertanding kemahiran-kemahiran tersebut mewakili pasukan masing-masing. Justeru, murid-murid akan menitikberatkan aspek peningkatan skil dan kerja berpasukan yang terus memotivasikan mereka untuk terus bergiat di dalam kegiatan kokurikulum tersebut. Sementara itu, dorongan-dorongan seperti dimensi tenaga, seronok, cergas, rakan, situasi, status turut berperanan penting menyumbang kepada keinginan kepada peningkatan dan kemantapan kemahiran yang dikuasai demi kejayaan pasukan masing-masing. Oleh itu, dapatan ini selari dengan dengan kebanyakan literatur motivasi penglibatan individu dalam kegiatan fizikal yang mendapati faktor pengaruh seperti ganjaran, hadiah dan kemenangan, yang mana turut menjadi dorongan penting kepada seseorang individu melibatkan diri dalam sesuatu kegiatan fizikal. Bagi perkhemahan peringkat negeri, pengiktirafan dan status kemenangan merupakan satu tahap pencapaian yang tinggi, bermungkinan turut menjadi dorongan yang penting seperti dicadangkan Cantal et al. (1996) di dalam (Tajul Arifin 2007).

Hasil kajian seterusnya menunjukkan juga terdapatnya perbezaan signifikan penyertaan berdasarkan jantina berdasarkan dimensi rakan dan faktor ekstrinsik dalam pasukan KRS. Faktor ekstrinsik dan dimensi rakan lebih mendorong murid lelaki berbanding murid perempuan untuk melibatkan diri dalam pasukan unit beruniform tersebut. Dalam kajian

Cantal et.al. (1996), beliau mendapati faktor penglibatan ekstrinsik dalam kegiatan berkaitan fizikal dan sukan, lebih mempengaruhi golongan lelaki berbanding golongan wanita. Beliau berpendapat, kaum wanita lebih bermotivasi intrinsik seperti peningkatan skil, ruang bebas tenaga, perasaan 'seronok', dan peningkatan kecergasan melalui penyertaan mereka dalam kegiatan tersebut. Pendapat mereka disokong oleh Fortier, Valerand, Briere & Provencher (1995), Pelletier et. l (1995), Frederick & Ryan (1993), Markland & Hardy (1997) dan Gill (2000) dalam (Tajul Ariffin 2007). Akhir sekali, hasil kajian ini menunjukkan, dalam penyertaan murid-murid perempuan dalam perkhemahan KRS, dimensi faktor ekstrinsik merupakan dorongan yang penting kepada penglibatan dalam pasukan KRS. Namun demikian, bagi murid lelaki, pengaruh rakan, situasi dan status mempunyai dorongan yang lebih berbanding murid perempuan dalam penglibatan mereka dalam gerak kerja pasukan tersebut.

Akhir sekali, kajian mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan penyertaan berdasarkan latarbelakang tempat tinggal bagi kesemua dimensi-dimensi motivasi penglibatan murid dalam pasukan KRS. Dapatan ini berbeza dengan Perakuan 174 Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 yang mendapati kegiatan kokurikulum kurang dijalankan di sekolah-sekolah kecil terutama di sekolah-sekolah luar bandar berbanding di kawasan bandar, disebabkan oleh kekurangan beberapa faktor seperti; kemudahan, kewangan dan galakan sekolah, yang akhirnya menghalang perkembangan murid-murid dalam serba kegiatan gerak kerja tersebut. Penglibatan murid-murid yang dikaji merupakan peringkat penglibatan tertinggi di peringkat Negeri Kelantan, di mana para murid yang menyertai perkhemahan tersebut merupakan johan dan wakil serta pilihan daerah masing-masing. Justeru, latarbelakang murid-murid tidak mempengaruhi penglibatan mereka dalam kegiatan pasukan KRS yang diwakili. Seterusnya, perkhemahan KRS peringkat negeri mempunyai modul yang telah digubal, dilaksanakan oleh para guru yang telah dilatih sebagai jurulatih dalam pasukan tersebut. Tambahan pula, bermula tahun 2006, markah kokurikulum telah diperkenalkan dan memberi sumbangan yang penting dalam peluang

mereka melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi. Markah 10% yang diperoleh dalam penglibatan para murid melalui kegiatan pasukan KRS ini turut menjadi dorongan faktor ekstrinsik penyertaan mereka dalam perkhemahan tersebut.

6.0 RUMUSAN

Dari kajian ini, penyertaan murid dalam kegiatan kokurikulum secara umumnya adalah berdasarkan kesemua 8 dimensi motivasi penglibatan, samada intrinsik mahupun ekstrinsik. Murid lelaki lebih terdorong untuk mengikutkan mereka melibatkan diri dalam kegiatan pasukan beruniform KRS berbanding murid perempuan. Murid lelaki juga lebih terpengaruh kepada faktor ekstrinsik yang memotivasikan penglibatan mereka dalam gerak kerja kokurikulum. Tiada perbezaan antara murid berdasarkan latar belakang tempat tinggal mereka, dengan penglibatan dalam pasukan KRS di peringkat negeri kerana adanya modul khusus yang jelas yang digerakkan oleh guru-guru yang terlatih bagi menjalankan kurikulum KRS. Kedua-dua faktor intrinsik dan ekstrinsik motivasi penglibatan adalah saling berkaitan, dan memerlukan sokongan antara satu sama lain, dalam usaha untuk mengekal dan meningkatkan penyertaan murid dalam gerak kerja kokurikulum. Oleh itu, pihak sekolah perlu mempunyai modul latihan yang menarik, guru-guru mahir melaksanakan modul kokurikulum, pengurusan sekolah yang memberi galakan dan mengiktiraf penglibatan guru dan murid tersebut, maka kepuasan, keseronokan dalaman diri akan wujud hasil dari penglibatan mereka dalam mana-mana sub unit kokurikulum sekolah. Hasilnya, akan lahir penghayatan penglibatan kokurikulum secara intrinsik seperti disiplin diri, pro-aktif dan inisiatif dalam pelaksanaan kokurikulum seperti kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Abdul Rahim. 1998. *Pengurusan kokurikulum*. Siri Pendidikan Perguruan. Cetak ulang. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ang, J.I.E. 2008. *Pengurusan disiplin murid*. Cetakan ketiga. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Anuar Din, Mohamad Nizam Nazarudin, Malinjah Mahsar, Mohd Sofian Omar Fauzee & Marjohan Jamalis. 2008. Pengurusan kokurikulum dan hubungannya dengan penyertaan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. 18 (1): 53-79.
- Aslian bin Pios. 2012. Masalah ketidakhadiran murid Orang Asli dalam kegiatan kokurikulum di sebuah sekolah Orang Asli di Petaling Jaya: Faktor dan cadangan penyelesaian. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. 24 (2): 79-90.
- Azizah Nordin. 1990. Mengenal pasti masalah-masalah dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di tiga buah sekolah menengah di Daerah Gombak. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gill, D.L. 2000. *Psychological Dynamics Of Sports And Exercise*. Ed. ke-2. University of North Carolina: Human Kinetics.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2011. Surat Pekeliling Ikhtisas Yang Berkaitan Dengan Aktiviti Luar Bilik Darjah (Sukan & Kokurikulum), Pakaian Murid Dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum 1971-2010. Cetakan Pertama. Putrajaya.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2009. Buku Panduan Pengurusan Kadet Remaja Sekolah. Cetakan Kedua. Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum: Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1989. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979. Kerajaan Malaysia.
- Malaysia. 2003. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-peraturan Terpilih. Susunan Lembaga Penyelidikan Undang-undang. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Mohd Amin Dawam. 2006. Hala tuju pelaksanaan konsep keseimbangan program kurikulum dan kokurikulum. *Pendidik* Oktober: 53-55.
- Mohd Suzli Abdullah. 1997. Permasalahan aktiviti ko-kurikulum di Sekolah-sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan Daerah Pasir Mas. Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia. [http://eprints.uum.edu.my/418/1/ Mohd._ Suzli_ bin_ Abdullah. pdf](http://eprints.uum.edu.my/418/1/Mohd._Suzli_bin_Abdullah.pdf) [29 Mei 2009]

Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abd Rahman & Abd Halim Ismail. 2013. Memahami isu dan cabaran menguruskan gerak kerja kokurikulum sekolah. *Jurnal Penyelidikan Muaddib*. Institut Pendidikan Guru Kolej Dato' Ismail Razali. Jilid VIII.

Tajul Arifin Muhamad. 2007. Hubungan orientasi matlamat, gaya tumpuan dan keseimbangan dengan pencapaian pemain golf remaja di Malaysia. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wann, D.L. 1997. *Sport Psychology*. New Jersey: Prentice Hall.